

Mendidik generasi muda erti kemerdekaan

Bagaimana pengisian kemerdekaan mengikut perspektif generasi muda – Bersama Ahli Parlimen Muar, Razali Ibrahim, 37 tahun.

BH 10/7/07 M/s 9

Oleh Jamhariah Jaafar

? Sebagai pemimpin muda, bagaimana YB melihat pengisian kemerdekaan bagi generasi muda.

Bagi saya, ia seperti orang selalu kata 'first class infrastruktur, third class mentality' (infrastruktur kelas pertama, mentaliti kelas ketiga). Bagi saya generasi baru, perkara pertama perlu diketahui semua anak muda ialah bagaimana Malaysia mencapai kemerdekaan. Kedua, kita perlu tahu mengenai Perlembagaan. Ada laporan mengatakan, ramai belia tidak tahu Rukun Negara. Jangan cerita apa dia Rukun Negara, tetapi kita kena tahu bagaimana Rukun Negara ini lahir, bagaimana Perlembagaan dibentuk. Selepas itu, kita kena tahu cabaran masa depan yang bakal dialami Malaysia. Usia 50 tahun ini adalah 'cut off date' paling mustahak untuk kita letakkan satu perspektif dipersetujui ramai. Setiap rakyat perlu tahu bagaimana Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, bagaimana Sabah dan Sarawak menyertai Tanah Melayu dan mengapa Singapura meninggalkan Persekutuan.


? Mengapa.

Dalam tempoh 50 tahun akan datang, orang yang lahir dan berjuang ketika zaman kemerdekaan sudah tidak ada. Kita tidak mahu 50 tahun akan datang, ada pihak mempersoalkan bagaimana kejayaan atau kemerdekaan dicapai... pada ketika itu kita sudah terlewat. Jadi hari ini, kerajaan perlu keluaran seberapa banyak kenyataan rasmi mengenai bagaimana semua sejarah ini berlaku, supaya tidak ada pihak mempersoalkan sejarah negara, termasuk kejadian 13 Mei (1969). Dalam gelombang penulisan yang berlaku hari ini, kita tidak boleh menyekat sebarang maklumat sehingga muncul cerita mengenai pihak komunis juga pernah memperjuangkan kemerdekaan. Ja-

di, semua fakta yang sah mestilah diketahui setiap orang, terutama generasi baru. Bagi orang muda, kita kena lihat ke hadapan. Mungkin ada tidak begitu memahami bahawa negara ini dibentuk daripada masyarakat berbilang kaum. Tidak banyak negara ada perkara ini kecuali yang pernah dijajah, contohnya Kanada. Tetapi unikunya Malaysia, ketika zaman penjajahan ada buruh asing dibawa masuk kemudian kita sama-sama berbincang untuk mencapai kemerdekaan. Ada satu perkara penting yang perlu difahami setiap rakyat Malaysia bahawa keputusan persetujuan yang dicapai memberikan hak warga negara serta-merta kepada orang bukan Melayu. Maksudnya bangsa lain, seperti Cina dan India mencapai apa yang dikehendaki dalam tempoh semalaman dan dia terus jadi warga Malaysia sampai bila-bila, tetapi ada perkara yang orang Melayu minta, seperti DEB (Dasar Ekonomi Baru) sampai sekarang masih tak dicapai. Ini yang perlu difahami. Bangsa lain kena faham jika kita ingin membentuk sebuah negara Malaysia yang utuh pada masa akan datang, setiap rakyat perlu ikhlas... kita perlu jujur pada diri kita.

? Apa sebenarnya diinginkan bangsa Melayu.

Sebagai rakyat pribumi, seluruh bangsa lain perlu faham apabila Perlembagaan digariskan orang Melayu hanya inginkan tiga perkara. Apabila bersetuju untuk menerima rakyat asing menjadi warga negara Malaysia, tiga perkara ini jangan disentuh – bahasa, agama dan hak raja Melayu. Tiga perkara ini sampai bila-bila jangan dipersoalkan supaya kita dapat menentukan kesejahteraan negara yang berterusan. Orang Melayu pun tidak boleh mempersoalkan kewarganegaraan orang Cina dan India, serta hak mereka dalam negara ini. Jadi, jika kita boleh menyemai rasa hormat antara rakyat Malaysia selepas kita faham sejarah dan penubuhan negara, maka per-



kembangan negara kita pada masa depan akan lebih terjamin. Tetapi jika pemahaman ini tidak ada, maka kita akan teruskan dilaga. Bukan kita hendak buat, tetapi orang lain akan melaga-lagakan kita dengan macam-macam bahan. Oleh itu, dalam setiap penulisan mengenai sejarah, termasuk di internet, kita perlu berhati-hati. Jika pemahaman terhadap penubuhan negara tidak kita fahami, boleh menimbulkan salah faham dan masalah.

? Dalam negara yang hampir 50 tahun merdeka ini kita masih tebal dengan sikap perkauman, sedangkan orang Melayu tidak perlu defensif dalam menjulang hak sebagai rakyat pribumi.

Ini pemikiran yang 'natural' untuk semua kaum. Ia cabaran paling besar dihadapi rakyat Malaysia. Tetapi dalam Wawasan 2020, tidak disebut langsung mengenai DEB atau ekuiti 30 peratus Bumiputera. Kita semakin hampir ke arah 2020. Jika kita berjaya memahami konsep dan semangat hak sebagai warga Malaysia, kita bolehelihara negara kita. Bagaimanapun, saya setuju dengan pendapat ini bukan satu dasar defensif untuk orang Melayu. Tidak sepatutnya kita defensif mengenai hak kita. Cuba perhatikan, orang Melayu yang sudah berjaya hari ini pun ada yang minta dasar ini dihapuskan. Orang bukan Melayu me-

manglah mendesak. Malah, orang luar sendiri mengatakan dasar kita ini, dasar kuno. Tetapi saya hendak beritahu, jika ada orang Melayu mengatakan dasar atau semangat ini (DEB) tidak diperlukan... saya bangga dengan orang Melayu ini. Dia pergilah bersaing dengan orang bukan Melayu lain, tetapi dasar ini biarlah kekal untuk membantu orang Melayu lain. Namun, masalah hari ini, orang Melayu yang kononnya berjaya inilah yang banyak mendapat manfaat dalam kuota ini, dia juga hendak hak keistimewaan itu dan menafikan hak orang Melayu lain. Sepatutnya, jika setuju mengenai dasar ini kita tidak perlu defensif, sebaliknya orang Melayu yang sudah berjaya, kami berharap mereka dapat pergi bersaing dengan pelabur luar. Biarlah dasar khusus untuk Bumiputera ini kekal untuk membantu orang Melayu di kampung. Perkara dan isu ini selalu sangat sengaja dijadikan alat pihak tertentu. Setiap rakyat juga perlu diingatkan, dalam negara kita ini ada juga perkara yang berlaku sebenarnya ada dorongan dan bantuan kerajaan. Contoh minyak, antara subsidi paling besar diberi kerajaan. Ia bukan hanya dinikmati orang miskin bahkan orang kaya, bukan hanya untuk orang Melayu, tetapi untuk seluruh rakyat Malaysia. Jika kita tengok kepada tenaga elektrik pula, industri perkilangan paling banyak menerima subsidi kerajaan berbanding orang kampung. Kenapa ini kita tidak kata sebagai 'affirmative action', kenapa kita tidak kata semua bantuan ini membantu pengeluaran barang yang lebih murah, mengapa kita tidak katakan ini adalah 'tongkat'. Cuba kita keluarkan barang kita pada harga minyak atau elektrik yang tidak disubsidi kerajaan, kos pengeluaran negara sudah pasti lebih tinggi. Dalam hal ini, yang banyak menerima manfaat ialah industri perkilangan. Kerajaan lakukan semua ini bagi menjadikan industri kita lebih kompetitif, tetapi kita tidak jadikan fakta ini dalam polemik perdebatan. Justeru, kita mesti jujur dan ikhlas kerana negara yang hendak kita wujudkan ini adalah negara yang mesti mempunyai perasaan, jasad dan taat setia. Jika kita lihat Malaysia hanya tempat mencari makan, maka masa depan negara kita sudah pasti tidak akan terus kukuh seperti hari ini.